



## GAMBARAN KESELURUHAN

Syarikat International Paper (“IP”) berpegang pada prinsip pengendalian perniagaan dengan jujur dan integriti, menghormati semua orang, menyokong komuniti kita dan mematuhi undang-undang, peraturan dan triti di negara tempat kita menjalankan operasi. Apabila memilih pembekal, IP berusaha untuk memilih rakan niaga bereputasi baik yang menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang mencerminkan komitmen terhadap standard etika yang tinggi, persekitaran kerja yang selamat dan sihat, perlindungan hak asasi dan kehormatan manusia, perlindungan alam sekitar dan pematuhan kepada undang-undang.

Tatakelakuan Pembekal ini (“Tatakelakuan”) menggariskan jangkaan kami berhubung standard di tempat kerja dan amalan perniagaan pembekal kami, entiti induk mereka, subsidiari, rakan sekutu, subkontraktor dan pihak-pihak lain yang tergolong dalam rantai bekalan mereka (“pembekal”). Jangkaan yang terkandung dalam Tatakelakuan ini merupakan faktor penting kepada keputusan kami untuk sama ada menjalin hubungan perniagaan atau melanjutkan hubungan perniagaan yang sedia ada. Setiap pembekal bertanggungjawab untuk memastikan pekerja, wakil dan subkontraktornya memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini.

Jangkaan yang dijelaskan dalam Tatakelakuan ini tidak menggantikan keperluan khusus yang terdapat dalam kontrak. Sebaliknya, Tatakelakuan ini bertujuan melengkapi keperluan khusus dalam kontrak. Jika syarat kontrak lebih ketat daripada Tatakelakuan ini, pembekal hendaklah mematuhi keperluan kontrak yang lebih ketat. Tatakelakuan ini tidak mengubah syarat kontrak atau membentuk obligasi kontrak yang tersurat atau tersirat mahupun kontrak pekerjaan.

IP beroperasi dalam persada global dan berpegang pada undang-undang dan triti negara tempat kami menjalankan operasi, tetapi undang-undang tertentu, misalnya Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat (FCPA), Akta Rasuah UK dan lain-lain, dikenakan terhadap operasi global syarikat. Oleh hal yang demikian, Tatakelakuan ini memfokuskan prinsip-prinsip yang mendukung obligasi pematuhan secara konsisten di seluruh operasi global kita. Pembekal juga dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan triti negara tempat mereka menjalankan operasi; walau bagaimanapun, dalam ruang lingkup pematuhan tersebut, sekiranya undang-undang setempat dan wilayah kurang ketat berbanding prinsip-prinsip Tatakelakuan ini, kami menghendaki pembekal kami mematuhi Tatakelakuan ini. Sebaliknya, apabila undang-undang setempat atau wilayah lebih ketat berbanding Tatakelakuan ini, kami menghendaki pembekal kami mematuhi undang-undang setempat atau wilayah tersebut.

### ★ Tempat Kerja, Tenaga Kerja dan Hak Asasi Manusia

**Kehormatan dan Maruah.** Pembekal dikehendaki memastikan tempat kerja mereka bebas daripada gangguan, layanan kasar, keganasan, ugutan, hukuman dera, pemaksaan mental atau fizikal, caci-maki dan diskriminasi.

**Upah dan Manfaat.** Pembekal mestilah mematuhi semua undang-undang berhubung upah dan waktu bekerja, termasuk pampasan, manfaat dan kerja lebih masa.

**Kebebasan Berpersatuan.** Pembekal mesti menghormati hak pekerja untuk menyertai atau tidak menyertai sebarang persatuan yang sah tanpa pekerja perlu bimbang tentang tindakan balas.

**Kelayakan Penggajian & Tenaga Kerja Sukarela.** Pembekal hendaklah menggaji pekerja yang mempunyai hak untuk bekerja secara sah sahaja. Buruh kanak-kanak dan buruh paksa yang menyalahi undang-undang adalah dilarang dalam apa juga keadaan.

Pembekal mesti menjauhi sebarang perilaku – dan mewajibkan kontraktor mereka agar menghindari sebarang perilaku – yang menggunakan ancaman, paksaan atau bentuk kekerasan lain, penculikan, ugutan, tindakan balas atau penyalahgunaan kuasa untuk tujuan eksploitasi, guna tenaga secara paksa atau perhambaan terhadap mana-mana individu. Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang yang mentadbir pemerdagangan orang dan perhambaan.

## ★ Tatakelakuan dan Etika Perniagaan

### **Bayaran Haram, Rasuah dan Sogokan.**

Pembekal dilarang terlibat dalam pembayaran yang menyalahi undang-undang atau rasuah, atau menerima tawaran hadiah, bantuan atau hiburan yang bertujuan – atau kelihatan bertujuan – membuat penerima berasa terhutang budi. Pembekal tidak dibenarkan terlibat dalam pemerasan, penipuan, penggelapan wang, rasuah atau sogokan. Pembekal mesti berusaha untuk memahami dan membuat pertimbangan berdasarkan undang-undang apabila berurusan dengan pegawai kerajaan dan menentukan bila pembayaran mungkin dikira sah dan bukan sogokan.

### **Etika Kontrak Am dan Integriti Fiskal.**

Apabila menyediakan barangan dan perkhidmatan, pembekal mestilah memenuhi obligasi kontrak mereka dan mematuhi undang-undang. Sebarang representasi kepada IP mestilah tepat dan jujur. Selain itu, pembekal hendaklah menyimpan rekod yang tepat berdasarkan undang-undang.

**Konflik Kepentingan.** Pembekal hendaklah memaklumi IP mengenai sebarang kemungkinan konflik kepentingan, misalnya apabila salah seorang pekerja pembekal (atau seorang yang rapat dengan pekerja) mempunyai hubungan dengan pekerja IP yang membuat keputusan yang akan mempengaruhi perniagaan pembekal – atau apabila pekerja IP mempunyai sebarang kepentingan dalam perniagaan pembekal tersebut.

### **Keselamatan dan Perdagangan Orang Dalam.**

Jika pembekal mengetahui mengenai sebarang maklumat material bukan umum semasa bekerja untuk IP, pembekal dilarang berkongsi maklumat tersebut dengan orang lain atau menggunakan maklumat tersebut untuk urusan niaga pasaran.

### **Undang-undang Antitrust dan Persaingan.**

Pembekal mesti menghindari perjanjian atau tindakan yang mengehadkan perdagangan atau persaingan secara tidak sah. Pembekal tidak boleh menawari pekerja kita sebarang maklumat rahsia mengenai pesaing IP.

### **Pemberian Hadiah dan Sumbangan Politik.**

Rasuah, hadiah yang tidak wajar, mewah atau berulang kepada pekerja IP adalah dilarang, walau apa jua adat setempat. Di samping itu, pembekal dilarang menawarkan hiburan atau hadiah kepada pegawai kerajaan – atau membuat sumbangan politik secara langsung atau tidak langsung – bagi pihak IP.

### **Harta Intelektual dan Privasi Data.**

Pembekal mesti melindungi semua hak harta intelektual, rahsia perdagangan dan maklumat proprietari IP. Mereka juga mesti melindungi maklumat peribadi boleh dikenal pasti yang disimpan oleh mereka bagi pihak IP daripada akses tidak dibenarkan, pemusnahan, perubahan, penggunaan dan pendedahan.

## ★ Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

### **Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja.**

Kami menghendaki pembekal berusaha menyediakan tapak kerja yang selamat, terjamin dan sihat. Pembekal hendaklah melengkapkan segala keperluan untuk mengurangkan risiko kemalangan, kecederaan dan pendedahan – terutamanya jika terdapat bahan berbahaya. Mereka mestilah mempunyai prosedur keselamatan yang mantap, penyenggaraan pencegahan dan kelengkapan pelindung yang mematuhi undang-undang.

**Tanggungjawab kepada Bumi.** Pembekal mestilah mematuhi semua undang-undang alam sekitar, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan bahan berbahaya, air buangan, sisa pepejal dan pelepasan sisa ke udara. Kami menggalakkan pembekal untuk mengurangkan kesan operasi mereka terhadap alam sekitar dan melindungi sumber semula jadi yang kita semua perlukan, khususnya melalui usaha tekal untuk mengurangkan atau menyingkirkan sebarang jenis pembaziran. Usaha tersebut termasuklah pengurangan penggunaan sumber, pengitaran semula, pengomposan, penggunaan semula bahan dan penjimatan air serta tenaga.

## ★ Kebertanggungjawaban dan Pematuhan

Pembekal mesti mematuhi Tatakelakuan ini dan undang-undang. Pembekal hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang pengawasan atau pendokumenan pematuhan mereka dan usaha mereka untuk mendorong pematuhan dalam rantai bekalan mereka. IP berhak untuk menyiasat sebarang kejadian ketakpatuhan pembekal yang diketahuinya. Ketakpatuhan mungkin menjadi sebab untuk IP membatalkan atau menamatkan obligasi kontrak dengan pembekal.

## ★ Maklumat Hubungan

Sebarang pertanyaan berhubung Tatakelakuan Pembekal ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Etika International Paper di [ethics@ipaper.com](mailto:ethics@ipaper.com) atau Talian Bantuan International Paper Malaysia di 1800889873.